MESYUARAT MAJLIS ALUMNI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA BIL.3/2026 DAN BENGKEL MALUMNI DI UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)









Pada 28 Jun 2026, satu Mesyuarat Majlis Alumni Universiti Awam (MALUMNI) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif ARAS 6, BANGUNAN CANSELORI, UniSZA selaku tuan rumah bagi penganjuran mesyuarat kali ini bersama urusetia bersama Pengerusi dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Y.Bhg Prof. Madya Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif dan Timbalan Pengerusi Prof. Ts. Dr. Mohd Ruslim Mohamed, Timbalan Pengerusi Malumni.

Mesyuarat dan bengkel ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg Dato' Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hafiz Yusoff, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UniSZA. Turut hadir adalah Y.Brs. Ts. Norhairani Abdul Rawi, Pengarah Pusat Alumni UniSZA serta pengarah, pegawai-pegawai Universiti Awam selaku ahli jawatankuasa Majlis Alumni Universiti Awam.

Mesyuarat Bil.3 ini diadakan bagi membincangkan dan merancang aktiviti alumni Universiti Awam (UA) bagi mengukuhkan keterlibatan alumni bersama alma mater. Selain daripada itu juga, turut dibincangkan adalah inisiatif penjanaan pendapatan daripada aktiviti alumni yang akan dianjurkan, dan menubuhkan jawatankuasa yang melibatkan semua UA bagi penganjuran aktiviti alumni yang telah dipersetujui.

Mesyuarat dan bengkel ini telah dipengerusikan oleh Y.Bhg Prof. Madya Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka merangkap Pengerusi Majlis Alumni Universiti Awam Malaysia (MALUMNI).

Antara program yang dijalankan di UniSZA adalah makan malam di Crystal Cruise dan program bersama Pejabat Pelancongan Negeri Trengganu, lawatan dan makan tengahari di Pasar Payang serta melawat Masjid Kristal.

Mesyuarat akan datang dicadangkan diadakan di Universiti Islam Antarabangsa (UIA).









PERJUMPAAN HI-TEA BERSAMA ALUMNI USM DI JOHOR

Prof. Dr. Wan Ahmad Jaafar, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Sains Malaysia (USM), telah mengadakan perjumpaan santai menerusi program Hi-Tea bersama dua orang alumni USM yang kini berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor.

Pertemuan ini menjadi platform untuk mengeratkan silaturahim, memperkukuh jaringan alumni serta mengekalkan hubungan erat antara alumni dengan alma mater.

Semoga jalinan ukhuwah yang terjalin ini terus diperkukuh dan menjadi pemangkin kepada kerjasama yang lebih erat antara alumni dengan USM pada masa hadapan.

Alumni Bulletin Website Alumni News SocMed

Penulis: Suraya Shazlin
Penyunting: Ahmad Wafi
Foto: BHEPA

ALUMNI NEWS VOL 7
BILANGAN 7 / JULAI 2026